

Pernyataan Peribadi bagi Kumpulan Syarikat Shiya

DASAR PERIBADI

Pernyataan Peribadi ini menetapkan asas yang mungkin Shiya Sdn Bhd, Shiya Machinery Sdn Bhd, Shiya Concrete Sdn Bhd, Shiya Development Sdn Bhd, Shiya Construction Sdn Bhd and Cystal Assets Sdn Bhd (dirujuk secara kolektif sebagai “**Shiya**”, “**kami**” atau “**kita**”) mengumpul, mengguna, mendedahkan atau memproses data peribadi seseorang mengikut undang-undang dan peraturan data peribadi yang berkenaan. Pernyataan Peribadi ini terpakai bagi data peribadi dalam milikan atau berada di bawah kawalan kami, termasuk data peribadi dalam milikan organisasi yang telah kami diguna khidmat untuk mengumpul, mengguna, mendedahkan atau memproses data peribadi untuk tujuan kami.

1. Data Peribadi

- 1.1. Data peribadi ertinya apa-apa maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial yang sedang diproses atau direkodkan untuk tujuan pemprosesan atau pemfailan yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan anda, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu dan/atau maklumat lain dalam milikan Shiya. Data peribadi merangkumi apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat.
- 1.2. Bergantung kepada sifat interaksi dengan anda, Shiya mungkin mengumpul Data Peribadi anda semasa anda menghantar borang, melayari laman web kami atau di pelbagai tempat lain apabila anda meminta maklumat atau perkhidmatan kami. Data Peribadi tersebut mungkin termasuk:

- ❖ Nama
- ❖ Gelaran
- ❖ Nombor Kad Pengenalan atau Pasport
- ❖ Kewarganegaraan
- ❖ Jantina
- ❖ Umur dan Tarikh lahir
- ❖ Alamat surat-menyurat
- ❖ Nombor telefon dan faks

- ❖ Alamat emel
- ❖ Butiran Kediaman
- ❖ Butiran Pembiayaan
- ❖ Maklumat gaya hidup

Senarai di atas adalah tidak menyeluruh dan mungkin termasuk Data Peribadi lain bergantung kepada jenis urusan niaga dengan kami.

2. Pengumpulan dan Sumber Data Peribadi

- 2.1 Shiya secara amnya mengumpul data peribadi dari pelanggan kami, rakan kongsi perniagaan, kontraktor, penjual, pembekal, penyewa, penyedia perkhidmatan, pekeria-pekerja dan individu lain seperti pemohon pekerjaan. Kami hanya akan mengumpul Data Peribadi yang dibekalkan kepada kami secara sukarela oleh anda, atau melalui pihak ketiga yang telah diberi kuasa sewajarnya oleh anda untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada kami ("**wakil anda yang telah diberikan kuasa**").
- 2.2 Data Peribadi ini mungkin dibekalkan kepada kami dalam bentuk borang yang diisi oleh anda, pertemuan bersemuka, e-mel atau perbualan telefon. Kami mungkin juga menyimpan rekod mengenai sebarang hubungan anda dengan kami. Data-data ini akan dikumpulkan hanya untuk tujuan perniagaan atau untuk tujuan yang dinyatakan oleh kami semasa kami mengumpul data peribadi daripada anda.

3. Tujuan-tujuan Pengumpulan

- 3.1 Data Peribadi yang dikumpul boleh digunakan untuk sebarang atau semua tujuan berikut:-
- 3.1.1 Berkaitan dengan perkhidmatan atau produk tertentu yang ditawarkan oleh kami atau rakan kongsi perniagaan kami;
 - 3.1.2 Untuk mendtadbir dan menjalankan prosedur pengurusan hubungan pelanggan dan bekal pelanggan kami;
 - 3.1.3 Mengekalkan rekod pelanggan, bakal pelanggan dan penyimpanan rekod dalaman kami;
 - 3.1.4 Menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran, profil pelanggan dan pembangunan perniagaan serta penyelidikan pemasaran dan analisis statistik dan tinjauan pelanggan mengenai projek, produk dan/atau perkhidmatan kami;

- 3.1.5 pemprosesan permohonan anda dibawah mana-mana program kami;
 - 3.1.6 untuk permohonan latihan praktikal / permohonan pekerjaan dan perjawatan;
 - 3.1.7 untuk tindakan susulan mengenai sebarang aduan, maklum balas, pertanyaan atau permintaan;
 - 3.1.8 mematuhi sebarang undang-undang atau keperluan peraturan dan membuat pendedahan yang diperlukan di bawah undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, dan/atau kod yang terpakai dan juga untuk pencegahan jenayah;
 - 3.1.9 untuk tujuan-tujuan lain mengenai Data Peribadi yang anda bekalkan; dan
 - 3.1.10 untuk tujuan perniagaan sampingan lain;
- 3.2 Dalam keadaan bahawa anda telah menunjukkan persetujuan anda untuk menerima maklumat terkini tentang pemasaran dan promosi dari Shiya, anda boleh memilih untuk dikeluarkan daripada menerima bahan pemasaran atau promise sebegitu pada bila-bila masa. Anda boleh menghubungi atau emel Shiya melalui wisel@shiya.com.my.

4. Pendedahan Data Peribadi

- 4.1 Secara umumnya, kami akan menyimpan Data Peribadi yang dibekalkan kepada kami secara sulit. Walaubagaimanapun, anda bersetuju dengan pendedahan Data Peribadi oleh pihak kami kepada pihak ketiga seperti yang berikut yang mungkin terletak di dalam ataupun di luar Malaysia:
- 4.1.1 mana-mana pihak kami yang berada di bawah keperluan perundangan untuk mendedahkan Data Peribadi kepadanya di bawah undang-undang terpakai atau sebagai jawapan kepada badan berkuasa, termasuklah agensi kerajaan, pihak berkuasa berkanun, majlis tempatan dan/atau pengawal selia industri termasuk tetapi tidak terhad kepada pejabat tanah, pendaftaran tanah, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, dan juga kepada mana-mana pihak ketiga menurut mana-mana perintah mahkamah;

- 4.1.2 kontraktor dan pembekal perkhidmatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada juruaudit, perunding, akauntan, peguam, penasihat kewangan dan profesional, pemberi pinjaman, syarikat insurans dan syarikat pengurusan harta;
 - 4.1.3 subsidiari, syarikat bersekutu, gabungan dan/atau ahli-ahli kami dalam kumpulan syarikat-syarikat Shiya; dan/atau
 - 4.1.4 rakan-rakan usahasama dan perniagaan kami.
- 4.2 Tujuan-tujuan yang disenaraikan dalam Seksyen 3 mungkin akan turut dipakai dalam situasi di mana hubungan anda dengan kami (sebagai contoh, berdasarkan kontrak) telah ditamatkan atau diubah dengan sebarang cara, untuk jangka masa yang munasabah selepas itu (termasuk, di mana berkenaan, satu jangka masa untuk membolehkan kami menegakkan hak kami di bawah sebarang kontrak dengan anda).

5. Akibat Keenggana atau Kegagalan untuk Membekal

- 5.1 Keengganan atau kegagalan untuk membekalkan Data Peribadi boleh menyebabkan yang berikut:
- 5.1.1 ketidakupayaan pihak-pihak untuk merasmikan dan/atau menjalankan perjanjian atau transaksi yang berkenaan, mengenai penjualan hartanah, produk dan/atau perkhidmatan kami;
 - 5.1.2 ketidakupayaan kami untuk membekalkan anda dengan maklumat, produk dan/atau perkhidmatan yang diminta; dan/atau
 - 5.1.3 ketidakupayaan kami untuk membekalkan anda dengan maklumat mengenai produk dan/atau perkhidmatan kami dan mendapatkan maklum balas anda mengenai produk dan/atau perkhidmatan kami.

6. Penarikan Balik Kebenaran

- 6.1. Kebenaran yang anda berikan untuk pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadi akan tetap sah sehingga masa tersebut di mana kebenaran ditarik balik oleh anda secara bertulis. Anda boleh menarik balik kebenaran anda dan meminta kami untuk berhenti mengumpul, mengguna dan/atau mendedahkan data peribadi anda secara lanjut untuk mana-mana atau semua tujuan yang disenaraikan di atas dengan menyerahkan permintaan anda kepada Pegawai Perlindungan Data Peribadi kami.

- 6.2. Bergantung pada kerumitan permintaan tersebut dan kesannya terhadap hubungan kami dengan anda, Shiya akan berhenti (dan memerintahkan mana-mana perantara data dan agensi data kami untuk berhenti) mengumpul, mengguna atau mendedahkan data peribadi tersebut dalam jangka masa yang munasabah setelah menerima permintaan anda secara bertulis, melainkan jika dikehendaki atau dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan.
- 6.3. Harap maklum bahawa penarikan kebenaran anda tidak mempengaruhi hak kami untuk terus mengumpul, mengguna, dan mendedahkan Data Peribadi anda di mana persetujuan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan tersebut dibenarkan dan diperlukan berdasarkan sekatan perundangan yang terpakai.

7. Akses dan Pembetulan Data Peribadi

- 7.1. Anda mempunyai hak untuk mengakses maklumat mengenai Data Peribadi anda yang sedang diproses oleh atau atas nama Shiya. Ini dapat dilakukan dengan mengemukakan suatu permintaan bertulis untuk meminta maklumat tersebut melalui Pegawai Perlindungan Data Peribadi kami. Atas permintaan dan dalam jangka masa yang munasabah setelah menerima permintaan bertulis anda, Shiya akan membekalkan maklumat yang diminta tersebut. Shiya berhak untuk mengenakan yuran (sebagai kos kami untuk menguruskan permintaan anda) untuk membekalkan maklumat tersebut.
- 7.2. Setelah menerima permintaan anda untuk membetulkan sebarang kesalahan atau peninggalan mengenai Data Peribadi anda yang berada di bawah kawalan atau milikan kami, Shiya akan secepat mungkin membetulkan data tersebut dan seterusnya membekalkan Data Peribadi yang tepat kepada setiap organisasi di mana Data Peribadi tersebut telah dibekalkan dalam masa setahun sebelum permintaan anda.

8. Pemindahan Data Peribadi Rentas Sempadan

- 8.1. Sekiranya kami perlu memindahkan Data Peribadi anda di luar Malaysia untuk melaksanakan kontrak antara anda dan Shiya atau demi kepentingan anda, kami akan mendapatkan persetujuan anda untuk pemindahan tersebut dan kami akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda terus menerima tahap perlindungan yang setara dengan undang-undang dan peraturan perlindungan data yang berkenaan.

9. Ketepatan dan Perlindungan Data Peribadi

- 9.1. Secara am, kami bergantung pada Data Peribadi yang dibekalkan oleh anda (atau wakil anda yang telah diberikan kuasa). Untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda adalah yang terkini, lengkap dan tepat, sila memaklumi Pegawai Perlindungan Data Peribadi kami secara bertulis atau melalui e-mel di wisel@shiya.com.my sekiranya terdapat sebarang perubahan berkenaan dengan Data Peribadi anda.
- 9.2. Shiya berdedikasi untuk mengambil langkah-langkah termasuk pentadbiran, teknikal dan fizikal bagi melindungi Data Peribadi yang anda bekalkan kepada kami daripada kehilangan, kecurian, dan penyalahgunaan, serta pengaksesan, pendedahan, penggunaan, pengubahan dan kemusnahan yang tidak dibenarkan.
- 9.3. Data Peribadi anda hanya boleh diakses oleh kakitangan yang dibenarkan dan yang diarahkan untuk mengendali maklumat anda secara sulit. Ia dilindungi oleh “firewalls” dan langkah-langkah keselamatan piawai industri.
- 9.4. Walaubagaimanapun, anda harus sedar bahawa tiada satu kaedah penghantaran melalui internet atau kaedah storan elektronik adalah benar-benar selamat. Walaupun keselamatan tidak dapat dijamin sepenuhnya, kami berusaha untuk melindungi keselamatan Data Peribadi anda dan akan sentiasa mengkaji dan meningkatkan langkah pengurusan keselamatan maklumat kami.

10. Pengekalan Data Peribadi Anda

- 10.1. Shiya tidak akan mengekal Data Peribadi anda lebih daripada masa yang diperlukan untuk memenuhi pelbagai tujuan pengumpulan, Data Peribadi atau sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang. Selepas itu, kami akan memusnahkan atau menghentikan pengiktirafan Data Peribadi tersebut secara kekal.

11. Penggunaan Cookies

- 11.1. Shiya menggunakan “cookies” di laman web kami untuk menyimpan maklumat bagi kemudahan anda supaya anda tidak perlu memasukkan semula data setiap kali bila anda melawat laman web kami. “Cookies” dan teknologi lain juga digunakan untuk memantau penggunaan pelbagai fungsi dan perkhidmatan laman web kami, dari masa ke masa membekalkan kami maklumat untuk memperbaiki laman web kami, dan untuk mengiklan dan memasarkan produk kami dengan lebih berkesan. Apabila anda melawat laman web kami,

seperti kebanyakan laman web kami, secara automatic merekod nama domain di mana anda berasal, alamat Protokol Internet (IP) komputer yang anda sedang menggunakan, jenis pelayar web yang anda gunakan, pembekal perkhidmatan Internet (ISP), halaman merujuk dan keluar, sistem operasi, penanda tarikh/masa dan maklumat aliran klik.

- 11.2. Maklumat ini membolehkan kami mengendalikan laman web dengan memaparkan halaman yang anda lawati, dan kami mungkin menggunakan maklumat ini untuk tujuan statistic dan mengesan corak penggunaan. Di samping itu, kami menggunakan data yang kami mengumpulkan untuk membuat pelbagai penentuan dalam sistem kami. Kami mungkin juga menggunakan maklumat ini untuk mengenal pasti anda secara peribadi, pengguna dan/atau organisasi pengguna, bagi tujuan pelaporan dan/atau untuk memaparkan maklumat yang relevan kepada anda semasa sesi layaran pada masa depan.
- 11.3. Kami menganggap maklumat yang dikumpul oleh “cookies” dan teknologi lain sebagai Data Bukan Peribadi. Walaubagaimanapun, sekiranya alamat IP atau pengenalan yang serupa dianggap sebagai Data Peribadi oleh undang-undang tempatan, kami juga akan menganggap pengenalan tersebut sebagai Data Peribadi. Begitu juga, sekiranya satu Data Bukan Peribadi digabung dengan Data Peribadi, kami akan mengendalikan maklumat yang digabungkan itu sebagai Data Peribadi sebegitu tujuan Pernyataan Peribadi ini.

12. Pautan ke Laman-Laman Web yang Lain

- 12.1. Pautan ke laman-laman web yang lain dibekalkan bagi kemudahan dan maklumat anda. Laman-laman web ini mungkin mempunyai kenyataan privasi mereka sendiri, yang mana kami mencadangi anda menyemak sekiranya anda melawat mana-mana pataun laman web. Kami tidak bertanggungjawab terhadap kandungan dalam pautan laman-laman web atau sebarang penggunaan laman-laman web tersebut. Dasar Peribadi Shiya hanya dipakai untuk maklumat yang dikumpulkan oleh kami.

13. Cara-cara Menghubungi Pegawai Perlindungan Data Peribadi Kami

- 13.1. Anda boleh menghubungi kami mengenai sebarang permintaan atau aduan berkaitan dengan data peribadi melalui butiran seperti berikut:

Jawatan Hubungi : Pegawai Perlindungan Data Peribadi
No. Telefon : 07-3359877
No. Faks : 07-3309396
E-mel : wisel@shiya.com.my

14. Persetujuan Pihak Ketiga

- 14.1. Sekiranya anda telah membekalkan data peribadi pihak ketiga (contohnya, orang hubungan kecemasan anda, penyewa, wakil-wakil anda yang diberikan kuasa, kontraktor, peguam, ahli kewangan) kepada kami, kami bergantung pada anda untuk memperolehi persetujuan secukupnya terlebih dahulu daripada pihak ketiga tersebut untuk membolehkan kami untuk mengumpul, mengguna dan/atau mendedahi data peribadi mereka.

15. Konflik

- 15.1. Dalam keadaan berlakunya sebarang konflik antara Pernyataan Peribadi ini dalam bahasa Inggeris dengan Pernyataan Peribadi ini dalam Bahasa Malaysia yang sepadan dengannya, terma-terma Pernyataan Peribadi dalam Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

16. Pindaan Pernyataan Peribadi ini

- 16.1. Pernyataan ini diguna pakai bersama dengan pemberitahuan lain, klausa kontrak dan klausa persetujuan berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan atau pendedahan data peribadi anda oleh pihak kami.
- 16.2. Pihak kami mungkin dari masa ke semasa memilih untuk mengubahsuai atau mempebaharui dasar pernyataan peribadi ini tanpa sebarang notis pendahuluan. Anda boleh menentukan sama ada semakan telah dilakukan dengan merujuk kepada tarikh kemas kini terakhir bagi Pernyataan ini. Penggunaan perkhidmatan anda secara berterusan merupakan pengakuan dan penerimaan terhadap perubahan tersebut.